

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/09/2007

Malaysia, Iran sepakat tolak usaha bahagi Palestin

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

NEW YORK 27 Sept. - Malaysia dan Iran hari ini menyatakan keputusan bersama untuk tidak menerima sebarang usaha membahagikan Palestin kepada dua kawasan iaitu Tebing Barat dan Gaza dalam rangka mencari perdamaian di bumi konflik itu.

Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Presiden Iran, Mahmoud Ahmadinejad yang di luar jadual asal semasa berlangsungnya Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA), di sini juga sependapat bahawa apa juga penyelesaian yang hendak dilakukan haruslah melibatkan persetujuan Palestin dan Israel.

Abdullah akan menyampaikan ucapannya pada perhimpunan agung ke-62 itu esok manakala Mahmoud, yang dikecam oleh pentadbiran Presiden George W. Bush kerana isu penggunaan tenaga nuklear dan dakwaan membantu penganas telah berucap pada hari pertama UNGA, Selasa lalu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menjelaskan, dalam perbincangan dengan Mahmoud, mereka juga bersetuju supaya kumpulan Hamas dan Fatah berusaha melalui apa juga cara bagi menyelesaikan perbalahan antara mereka.

"Ini amat penting untuk memastikan rundingan yang akan diadakan dengan israel atau mana-mana jawatankuasa yang diwujudkan untuk mencari perdamaian nanti, Palestin tidak terbelah dua tetapi tetap sebagai se-

Negara Islam yang menghadapi masalah dengan mana-mana negara perlu bersedia untuk berunding dengan pihak yang berkenaan dan mengelak daripada berlaku pergaduhan

buah negara yang dapat diterima dan berdaulat," katanya kepada wartawan Malaysia di sini.

Dalam pertemuan itu juga, kata Abdullah, beliau telah menekankan pentingnya mengutamakan Islam sebagai agama yang sentiasa mengutamakan kemajuan dan keamanan.

Jelasnya, respons yang diberi mestilah melambangkan bahawa agama Islam mengutamakan perdamaian, keselamatan dan musyawarah dengan konfrantasi bukanlah pendekatan pertama bahkan seboleh-bolehnya dilakukan.

Mengenai isu tenaga nuklear, kata Perdana Menteri, Iran telah menyatakan pihaknya akan terus mengadakan kerjasama dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) atau berbincang dengan mana-mana pihak termasuk Amerika Syarikat (AS).

"Beliau juga telah menyatakan respons tentang tekanan dan serangan peribadi kepadanya. Jawapan beliau baik dan tertib sebagaimana dikehendaki oleh agama Islam yang memperlihatkan beliau memegang nilai Islam yang kuat.

"Dan yang penting dalam hal ini kita kena berjaga-jaga supaya cara kita respons kepada sesuatu tindakan yang dilihat sebagai menghina

Islam, jangan sampai kepada situasi yang boleh dieksploitasi oleh mana-mana pihak yang ingin melihat pergaduhan berlaku antara Islam dan bukan Islam.

"Tindakan kita di samping menegaskan dan menafikan atau menunjukkan kita juga marah mestilah dengan cara boleh meredakan dan mencegah daripada berlakunya sesuatu pergaduhan," tegas Perdana Menteri.

Isnin lalu, Mahmoud walaupun digelar syaitan dan gila oleh para pemimpin serta media AS tetapi tetap menerima jemputan untuk berucap di depan profesor dan pelajar Columbia University, yang merupakan universiti berprestij di sini.

Mengulas pertemuannya dengan Ketua Penasihat Bangladesh, Fakhruddin Ahmed, Perdana Menteri berkata, persetujuan dicapai supaya tindakan diambil untuk menghalang pekerja tanpa izin negara itu daripada terus memasuki Malaysia.

Pertemuan bilateral dengan Presiden Timor Leste, Ramos Horta pula tertumpu soal latihan tenaga pengajar kemahiran manakala dengan pemimpin Bosnia Herzegovina berhubung kunjungan menteri luarnya bersama-sama delegasi ahli perniagaan ke Malaysia.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan Mahmoud Ahmadinejad selepas pertemuan singkat dua hala di pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, semalam.

- Bernama

an ke Malaysia.

Sementara itu, Malaysia akan mendapatkan kepastian daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kedudukan negara dalam senarai pasukan penyelia damai PBB di Darfur, Sudan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Perdana Menteri, beliau telah memberitahu Menteri

Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar untuk membangkitkan perkara itu apabila bertemu dengan Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon nanti.

"Saya dimaklumkan keputusan PBB ini belum muktamad lagi. Pada waktu ini kita belum dipilih untuk menyertai pasukan pengaman di Darfur," katanya

- Utusan

UM - 28/9/2007